



PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG SITE STAFF

Iklan dibukakan kepada warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam sahaja:

<p>ASSISTANT RESIDENT ENGINEER JABATAN SALIRAN DAN PEMBETUNGAN JABATAN KERJA RAYA B.2 KEKOSONGAN = 1</p>

KELAYAKAN MINIMUM

1. Ijazah Sarjana Muda dalam Bidang Kejuruteraan Awam atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
2. Kelulusan yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan serta mempunyai pengalaman dalam bidang yang berkenaan seperti dalam aspek keselamatan dan kesihatan adalah merupakan satu kelebihan.

SKOP KERJA BAGI ASSISTANT RESIDENT ENGINEER

Tugas di Jabatan Saliran dan Pembetulan secara Am:

1. Menerima arahan dari Jurutera dan Pegawai-Pegawai atasan dari masa ke semasa jika diperlukan.
2. Mengurus projek-projek dalaman Jabatan yang ditugaskan termasuk mengadakan pemeriksaan tapak serta lawatan dan menghadiri mesyuarat di tapak projek atau ujian dan pengauditan keselamatan dan kesihatan di tapak bina serta menyediakan laporan perkembangan projek.
3. Membantu menyelaras pelaksanaan projek dan mengaturkan perbincangan projek atau perkara-perkara berkaitan.
4. Memantau perbelanjaan dan pembayaran terkini dari masa ke semasa dan menyediakan pembayaran kontrak serta dokumen-dokumen yang diperlukan.
5. Memantau dan mengawas pengurusan kontraktor yang mengendalikan kerja-kerja projek tersebut dan memastikan kerja-kerja yang dibuat adalah menepati kualiti, sasaran, jadual dan program kerja serta peraturan keselamatan dan kesihatan tempat kerja yang dipersetujui dan diperlukan.
6. Menyediakan dan menaip persuratan seperti surat, minit, memorandum dan laporan berkaitan dengan projek.
7. Membuat laporan kepada *Officer-in-charge* mengenai perkembangan projek dan permasalahan yang timbul.

Tugas dan tanggungjawab di Bahagian Saliran:

1. Mengendalikan Jadual Pemeliharaan Berkala bagi Unit Operasi dan Pemeliharaan.
2. Membuat laporan dan mengeluarkan "*Maintenance Job Order*" mengikut jadual, aduan-aduan dan arahan.
3. Menguruskan dan mengumpulkan aset-aset Saliran untuk inventori data di dalam *Google Earth Pro*.
4. Bertanggungjawab dalam menilai tuntutan pembayaran yang telah diterima dan sijil-sijil kemajuan serta laporan kemajuan projek.
5. Menyelesaikan dan menguruskan masalah-masalah yang timbul di tapak projek dan membuat laporan mengenainya.
6. Membantu menyediakan harga anggaran bagi kerja-kerja Bahagian Saliran yang dicadangkan.
7. Mengesan dan memastikan harga dan "*meter run*" yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah menurut BQ (dalam lingkungan peruntukan).

Nota:

1. Pemohon dikehendaki untuk menghantar **CV yang lengkap, salinan kad pengenalan dan sijil-sijil yang berkenaan ke uss@pwd.gov.bn tidak lewat dari hari Isnin, 30^{hb} Januari 2023.**
2. Hanya pemohon yang memenuhi syarat sahaja akan dihubungi.